



(KENYATAAN MEDIA)

SIDANG MEDIA DAN MAJLIS PENGENALAN PENAJA MYSIHAT RUN 2017
PADA 9 JANUARI 2017 (ISNIN)
KELAB TASIK PUTRAJAYA, PRESINT 8, PUTRAJAYA

Pada 9 Januari 2017 (Isnin) telah berlangsung Sidang Media dan Majlis Pengenalan Penaja MySihat Run 2017 di Kelab Tasik Putrajaya, Presint 8, Putrajaya yang disempurnakan oleh Y. Bhg. Tan Sri Dato' Sri Dr. Hj. Mohd Nasir Bin Mohd Ashraf, Pengerusi Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (MySihat). Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (MySihat) dengan sokongan Kementerian Kesihatan Malaysia bersama Persatuan Kebajikan Golongan Asnaf & Gelandangan Kuala Lumpur dan Selangor akan menganjurkan program "MySihat Run 2017".

Antara tujuan utama penubuhan MySihat ialah untuk menyokong usaha-usaha kerajaan dalam mempromosikan kesihatan rakyat Malaysia dengan memberi tumpuan kepada promosi gaya hidup sihat dengan berganding sama Kementerian Kesihatan Malaysia.

Acara larian "MySihat Run 2017" ini akan diadakan pada 12 Februari (Ahad) bertempat di Padang Merbok, Kuala Lumpur dan akan disempurnakan oleh **YB Datuk Seri Dr. S.Subramaniam, Menteri Kesihatan Malaysia**, pada jam 7.00 pagi hingga 11.00 pagi. Objektif utama program ini adalah untuk menggalakkan amalan cara hidup sihat bagi mengurangkan Penyakit Tidak Berjangkit (NCD).

Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2015 menunjukkan bahawa orang dewasa berumur 18 tahun dan ke atas dalam populasi Malaysia:

- (a) 17.5% (3.5 juta) mempunyai diabetes;
- (b) 30.3% (6.1 juta) mempunyai hipertensi;
- (c) 47.7% (9.6 juta) mempunyai hiperkolesterolemia; dan
- (d) 47.7% (8.9 juta) mengalami masalah berlebihan berat badan dan obes.

Program ini adalah satu inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dan pendekatan *Public Private Partnership* (PPP) ke arah menggalakkan cara hidup sihat melalui aktiviti fizikal dalam membendung Penyakit Tidak Berjangkit (NCD) seperti yang telah dilaporkan oleh NHMS 2015.

Antara pihak terlibat terdiri daripada sektor awam (Kementerian Kesihatan Malaysia, MySihat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), sektor korporat/ swasta (rakan-rakan penaja) dan Pertubuhan bukan Kerajaan (Persatuan Olahraga Amatur Wilayah Persekutuan (FTKLAA) serta Persatuan Kebajikan Golongan Asnaf & Gelandangan Kuala Lumpur dan Selangor.

Selari dengan tema larian ini "Together For Health", sebahagian daripada yuran penyertaan peserta akan disumbangkan kepada Tabung Promosi Kesihatan Golongan Asnaf & Gelandangan di bawah Persatuan Kebajikan Golongan Asnaf & Gelandangan Kuala Lumpur dan Selangor.

"MySihat Run 2017" ini adalah terbuka kepada **Warganegara Malaysia** sahaja dan mempunyai enam (6) kategori yang dipertandingkan dan menawarkan hadiah wang tunai keseluruhan berjumlah **RM 66,800.00** kepada para peserta. Kategori serta yuran penyertaan larian adalah seperti berikut :

Kategori	Peringkat Umur	Yuran Penyertaan	Tempat	Hadiah Wang Tunai
Lelaki Terbuka	18 tahun dan ke atas	RM 68	1	RM10,000
Wanita Terbuka			2	RM5,000
			3	RM3,000
			4-10	RM200
Lelaki Veteran			11-20	RM100
	Umur 45 dan ke atas		1	RM5,000
			2	RM3,000
3			RM1500	
4-10			RM200	
11-20			RM100	
Lelaki Junior	Umur 15 hingga 17 tahun	RM50	1	RM3,000
Perempuan Junior			2	RM1500
			3	RM500
			4-10	RM200
			11-20	RM100

Antara pihak-pihak penaja, rakan strategik dan rakan komuniti yang menjayakan "MySihat Run 2017" ini adalah :

Bil.	Tajaan	Nama	Jumlah Tajaan
1.	Penaja Utama	SPORTS DIRECT.com	Voucher Barangan Bernilai RM 100,000
2.		PHARMANIAGA	Wang tunai RM 20,000
3.	Penaja Bersama	Lam Soon (Antabax)	Barangan Bernilai RM 7,500 (5000 botol sabun)
4.		Muzamal Industries Sdn. Bhd.	Barangan Bernilai RM 10,000
5.		Foresight Industries Sdn Bhd	Wang Tunai RM 5,000
6.		Reactiv3 Physiotherapy	Perkhidmatan Fisioterapi
7.	Rakan Strategik	Persatuan Olahraga Amatur Wilayah Persekutuan (FTKLAA)	Sokongan Teknikal
8.	Rakan Komuniti	Persatuan Kebajikan Golongan Asnaf & Gelandangan Kuala Lumpur dan Selangor (KASGE)	Sokongan Teknikal
9.	Penganjur Bersama	RF Projects Sdn. Bhd	

Pendaftaran untuk menyertai "MySihat Run 2017" adalah secara **online** di **Runners Asia** atau <https://home.hooaha.asia/MySihatRun2017.aspx> dan akan ditutup pada **31 Januari 2017 (Selasa)**. Pertanyaan lanjut mengenai larian boleh berhubung melalui aplikasi Whatsapp di talian **0132206581**.

MySihat mengucapkan setinggi penghargaan di atas kerjasama strategik yang wujud di antara pihak kerajaan, sektor swasta serta badan-badan bukan kerajaan (NGO) secara konsep NBOS dan PPP dalam memperluas dan mempertingkatkan program-program kesihatan dalam membendung NCD di kalangan masyarakat Malaysia. MySihat berharap sokongan dan sumbangan ini akan berterusan demi mempertingkatkan kualiti kesihatan masyarakat Malaysia ke tahap yang lebih baik.